

Untuk siaran segera

21 Julai 2014

KENYATAAN MEDIA

Pharmaniaga Bantu Gelandangan Di Bulan Ramadhan

Shah Alam 17 Julai 2014 – Sempena semangat Ramadhan, Pharmaniaga Berhad menerusi badan sukarelanya, Skuad Operasi Sihat 1Malaysia (SOS1M) terus menjalankan aktiviti dengan kerjasama kumpulan *Need to Feed the Need*, sebuah organisasi bukan kerajaan, dalam menyumbang makanan kepada golongan gelandangan dan miskin tegar di sekitar Kuala Lumpur.

Selain mengagihkan kira-kira 300 bungkusan makanan, SOS1M juga mengagihkan susu utk bayi dan kanak-kanak serta pakaian untuk kanak-kanak dan dewasa yang serba sedikit dapat membantu mereka untuk menyambut Aidilfitri.

Pengarah Urusan Pharmaniaga, Dato' Farshila Emran turut mengambil bahagian di dalam program tersebut dan menyampaikan baucer pasaraya berjumlah RM2,500 untuk mereka membeli barangan keperluan.

"Ini adalah sumbangan kecil Pharmaniaga untuk membantu warga kota miskin tegar untuk menyambut Aidilfitri," katanya.

SOS1M telah menjalankan *soup kitchen* yang pertama di Masjid Jamek KL dalam bulan Ramadan pada tahun lepas yang mana turut menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma kepada golongan gelandangan. Pada tahun ini SOS1M, diwakili 10 sukarelawan telah menyokong pasukan *Need to Feed the Need* yang berjumlah 8 sukarelawan di mana pertubuhan ini telah banyak kali menjalankan aktiviti ini dan menyimpan maklumat golongan gelandangan dan komuniti miskin ini. Anggaran seramai 300 orang telah mendapat faedah dari anjuran aktiviti kali ini.

“Kemiskinan bandar adalah suatu yang wujud. Dalam bulan di mana kita digalakkan memberi ini, kita bernasib baik kerana berada dalam posisi yang membolehkan kita menghulurkan sedikit keselesaan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan,” tambah Dato’ Farshila.

Tamat

*Issued for the Pharmaniaga Group by Corporate Communications Department,
Pharmaniaga Berhad.*

*For enquiries, please contact Zuhri Iskandar Kamarzaman at 03 3342 9999 ext 434 or
by email zuhri@pharmaniaga.com*